



HUBUNGAN ANTARA STIGMA KENDIRI DAN SIKAP MAHASISWA UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN PSIKOLOGIKAL DI SEBUAH UNIVERSITI



05-4506832



HANIS NADHIRAH BINTI MOHD NAIM



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



HUBUNGAN ANTARA STIGMA KENDIRI DAN SIKAP MAHASISWA UNTUK
MENDAPATKAN BANTUAN PSIKOLOGIKAL DI SEBUAH UNIVERSITI

HANIS NADHIRAH BINTI MOHD NAIM

LATIHAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

JABATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 17 Februari 2023

i. Perakuan Pelajar:

Saya **Hanis Nadhirah Binti Mohd Naim, D20182085546, Fakulti Pembangunan Manusia** dengan ini mengaku bahawa Laporan Projek Tahun Akhir yang bertajuk **Hubungan Antara Stigma Kendiri dan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan jelas dan secukupnya.

(HANIS NADHIRAH BINTI MOHD NAIM)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya **Dr. Mazita Binti Ahmad** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Hubungan Antara Stigma Kendiri dan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Pembangunan Manusia bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan kepujian.

Tarikh: _____

(DR. MAZITA BINTI AHMAD)



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T tuhan pentadbir seluruh alam semesta, selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW serta seluruh kaum kerabat baginda. Syukur alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya serta dengan ikhsanNya dikurniakan kekuatan, kesihatan yang baik, masa yang cukup dan kefahaman yang baik untuk saya menyempurnakan kajian saya pada kali ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua pensyarah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling terutamanya kepada penyelia kajian saya iaitu Dr. Mazita Binti Ahmad dan Puan Faizura Binti Rohaizad kerana telah banyak mencurahkan ilmu, tenaga serta masa yang mereka ada untuk membimbing saya dalam menyiapkan penulisan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, kerana sudi memberi keizinan kepada saya untuk menjadikan fakulti berkenaan sebagai lokasi kajian ini dijalankan. Tidak dilupakan kepada semua mahasiswa Fakulti Pembangunan Manusia yang sudi menjadi sebahagian daripada responden kajian saya pada kali ini.

Terima kasih ini saya ucapkan juga kepada keluarga khususnya kepada ayah saya iaitu Mohd Naim bin Jaafar dan juga ibu saya iaitu Hasnah Binti Ghani yang sentiasa memberi galakan dan sokongan serta bantuan kewangan kepada saya sepanjang saya berada dalam pengajian dan sepanjang saya menjalankan kajian. Tidak dilupakan kepada sahabat saya Elfiyana Binti Irwan yang tidak pernah jemu memberi kata-kata semangat serta Nur Faraaini Binti Mohd Faiz dan rakan-rakan yang membantu dan bersama-sama semasa proses menyiapkan kajian ini. Kepada pihak yang secara langsung mahupun tidak langsung memberi dorongan dan bimbingan untuk saya menyiapkan kajian ini, saya doakan kalian akan sentiasa berjaya dalam bidang masing-masing, sentiasa berada dalam rahmat Allah dan sentiasa diberkati oleh-Nya. Hanya Allah sahaja mampu membalas jasa baik kalian. Semoga balasan syurga buat kalian.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada diri saya sendiri. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana mempercayai diri ini boleh melakukan yang terbaik. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana melakukan semua kerja keras bagi menyiapkan kajian ini. Saya ingin berterima kasih kepada diri kerana tidak mempunyai hari cuti. Saya ingin berterima kasih kepada saya kerana tidak pernah berhenti berusaha sebaik mungkin dalam pelajaran. Saya ingin berterima kasih kepada saya kerana menjadi diri saya pada setiap masa.





ABSTRAK

Mahasiswa merupakan individu yang terdedah dengan gangguan psikologikal. Dalam mendapatkan bantuan psikologikal, stigma sendiri dan sikap mahasiswa menjadi penghalang untuk mereka mendapatkan bantuan tersebut. Oleh hal yang demikian, pengkaji bersetuju untuk menjalankan sebuah kajian yang bertajuk Hubungan Antara Stigma Kendiri Dan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap stigma dan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal. Perbezaan stigma sendiri dan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan program pengajian dan jantina turut diteliti. Pengkaji turut mengenalpasti hubungan antara kedua-dua pembolehubah tersebut melalui kajian kuantitatif dengan menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Seramai 240 orang responden daripada empat program pengajian telah dipilih. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai stigma sendiri dan sikap untuk mendapatkan bantuan psikologikal di tahap yang sederhana. Hasil kajian turut menunjukkan wujudnya perbezaan stigma sendiri dan sikap mahasiswa berdasarkan program pengajian. Dapat disimpulkan bahawa perkhidmatan bantuan psikologikal masih kurang dimanfaatkan mahasiswa. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi sumbangan kepada pelbagai pihak bagi memupuk kesedaran untuk berwaspada terhadap stigma dan kepercayaan diri terhadap bantuan psikologikal dan sikap untuk mendapatkannya. Suatu kajian susulan boleh dilaksanakan bagi mengenalpasti punca stigma sendiri dan sikap untuk mendapatkan bantuan psikologikal ini masih lagi wujud seterusnya mencari alternatif bagi mengurangkan stigma tersebut.





RELATIONSHIP BETWEEN SELF-STIGMA AND STUDENTS' ATTITUDES TOWARD PSYCHOLOGICAL HELP AT A UNIVERSITY

ABSTRACT

Psychological disorders constitute a phenomenon that affects students. Self-stigma and student attitudes are obstacles to seeking psychological help. The researcher subsequently consented to carry out a study on The relationship between self-stigma and students' attitude towards seeking psychological help at a university. The purpose of this study is to measure the level of stigma and student attitudes towards seeking psychological help. Based on courses and gender, researchers assessed on differences in self-stigma and student attitudes towards psychological help. The researchers also used a quantitative analysis and survey research methods to identify the relationship between the two variables. 240 respondents from four courses were selected. The study's findings indicate that respondents' attitude towards seeking psychological help are in the moderate stage, and they also have a moderate level of self-stigma. The result of the research also showed the difference of self-stigma and attitude of the students based on the course programs. The demand for psychological help services among students is still underutilized. Overall, this research will assist numerous stakeholders broaden their awareness of self-stigma and belief in psychological help. The causes of self-stigma and the attitude towards seeking psychological help can be identified through a second study, after which solutions to the stigma can be found.



ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kesignifikan Kajian	12
1.8 Definisi Istilah	14
1.8.1 Definisi Konseptual	14
1.8.1.1 Stigma Kendiri	14
1.8.1.2 Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	15
1.8.1.3 Psikologikal	15
1.8.1.4 Mahasiswa	16
1.8.2 Definisi Operasional	17
1.8.2.1 Stigma Kendiri	17
1.8.2.2 Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	18
1.8.2.3 Psikologikal	19
1.8.2.4 Mahasiswa	19
1.9 Limitasi Kajian	20
1.10 Kerangka Konsep	21
1.11 Rumusan	22

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Pendekatan Teoritikal	24
2.3	Kajian Literatur	29
2.3.1	Stigma Kendiri Terhadap Bantuan Psikologikal	29
2.3.2	Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	33
2.3.3	Bantuan Psikologikal	36
2.4	Rumusan	38

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi Dan Persampelan Kajian	43
3.4.1	Populasi Kajian	43
3.4.2	Sampel Kajian	44
3.5	Instrumen Kajian	45
3.5.1	Borang Soal Selidik Stigma Kendiri (SSOSH)	47
3.5.2	Borang Soal Selidik Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal (ATTSPH)	49
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	51
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	52
3.8	Kaedah Analisis Data	54
3.9	Ringkasan Analisis Statistik	55
3.10	Rumusan	57

BAB 4: HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	58
4.2	Statistik Demografi Responden Kajian	60
4.3	Analisis Kebolehpercayaan	62
4.3.1	Kebolehpercayaan Stigma Kendiri	62
4.3.2	Kebolehpercayaan Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologi	63
4.4	Analisis Taburan Stigma Kendiri Dan Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologi	64
4.4.1	Analisis Tahap Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	64
4.4.2	Analisis Tahap Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	66
4.5	Analisis Perbezaan Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	68
4.5.1	Analisis Perbezaan Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian	68
4.5.2	Analisis Perbezaan Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Jantina	71
4.6	Analisis Perbezaan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian Dan Jantina	72
4.6.1	Perbezaan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian	72
4.6.2	Perbezaan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Jantina	75
4.7	Analisis Hubungan Antara Stigma Kendiri Dengan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	76
4.8	Rumusan Dapatan	78
4.9	Penutup	82

BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	83
5.2	Rumusan Kajian	84
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	87
5.3.1	Tahap Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	87
5.3.2	Tahap Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	89
5.3.3	Perbezaan Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian Dan Jantina	92
5.3.4	Perbezaan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian Dan Jantina	94
5.3.5	Hubungan Stigma Kendiri Dengan Sikap Responden Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	96
5.4	Implikasi Kajian	98
5.4.1	Implikasi Teoritikal	98
5.4.2	Implikasi Praktikal	101
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	104
5.6	Kesimpulan	105

RUJUKAN	106
----------------	------------

LAMPIRAN	115
-----------------	------------

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
3.1	Populasi Kajian	44
3.2	Bilangan Item Dalam Borang Soal Selidik	46
3.3	Item Soal Selidik Stigma Kendiri Yang Telah Diterjemahkan	48
3.4	Item Soal Selidik Sikap Dalam Mendapatkan Bantuan Psikologikal	50
3.5	Ciri-Ciri Demografi Responden	55
3.6	Analisis Statistik	56
4.1	Analisis Jantina Responden	60
4.2	Analisis Program Pengajian Responden	61
4.3	Statistik Kebolehpercayaan Stigma Kendiri Terhadap Bantuan Psikologikal	62
4.4	Statistik Kebolehpercayaan Sikap Mendapatkan Bantuan Psikologikal	63
4.5	Tahap Stigma Kendiri	65
4.6	Tahap Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	67

4.7	Keputusan ANOVA Bagi Mengenalpasti Perbezaan Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian	69
4.8	Keputusan Analisis Satu Hala Bagi Mengenalpasti Perbezaan Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian	70
4.9	Keputusan Ujian-T Bagi Mengenalpasti Perbezaan Stigma Kendiri Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Jantina	71
4.10	Keputusan ANOVA Bagi Mengenalpasti Perbezaan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian	72
4.11	Keputusan Analisis Sehalu Bagi Mengenalpasti Perbezaan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Program Pengajian	74
4.12	Keputusan Ujian-T Bagi Mengenalpasti Perbezaan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Berdasarkan Jantina	75
4.13	Analisis Korelasi Pearson Bagi Mengukur Hubungan Antara Stigma Kendiri Dengan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal	77
4.14	Keputusan Kajian Berdasarkan Hipotesis	78
4.15	Keputusan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	79

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual Hubungan Stigma Kendiri dan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti.	21
2.1	Rangka konsep Teori Tindakan Beralasan (Theory of Reasoned Action)	27
2.2	Rangka konsep Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behaviour)	28

SENARAI SINGKATAN

ATTSPH	Attitudes Toward Seeking Professional Help
ISM	Ijazah Sarjana Muda
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SSOSH	Self-Stigma of Seeking Help
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Maklumat Demografi
- B Soal Selidik Stigma Kendiri (Self-Stigma of Seeking Help - SSOSH)
- C Soal Selidik Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Kaunseling (Attitudes Toward Seeking Professional Help - ATTSPH)
- D Data SPSS



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan



Bahagian ini merupakan permulaan dalam penulisan iaitu pengkaji akan menjelaskan berkenaan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, dan persoalan kajian. Selain itu, pengkaji juga akan menghuraikan berkenaan hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi pembolehubah kajian dan kerangka kajian. Di akhir bab satu ini, pengkaji akan menyimpulkan bab dengan membuat kesimpulan sebagai penutup bab ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Mahasiswa merupakan golongan yang berusaha menuntut ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran diri melalui proses pembelajaran. Ia bertujuan untuk mengembangkan kecerdasan, meningkatkan kemajuan hidup dan sebagainya. Menurut Johari Hassan dan Sutinah A. Safar (2010), mahasiswa yang dianggap unggul merupakan mereka yang sihat aqidah, kukuh akhlak, luas pemikiran, kuat tubuh badan, mampu mencari sara hidup, tepat ibadah, bermujahadah terhadap dirinya, menjaga waktu, tersusun rapi segala urusannya serta berguna kepada orang lain. Mereka juga memiliki kecergasan, kecerdasan, semangat dan kemahuan yang tinggi.

Namun pada era globalisasi ini, ramai mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) menyedari bahawa mereka bergelut dengan isu psikologikal terutamanya kesihatan mental. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) tahun 2019 mendapati bahawa isu psikologi kesihatan mental telah meningkat di mana kelaziman kemurungan dalam kalangan dewasa berumur 18 tahun dan ke atas di Malaysia mengikut ciri sosio-demografi kategori pekerjaan, subpopulasi pelajar dilaporkan mempunyai kelaziman kemurungan kedua tertinggi [2.8 % (95% CI: 1.29, 6.16)] berbanding pekerjaan lain. Hal ini semakin membimbangkan kerana kesihatan mental yang terjejas akan menyebabkan kadar bunuh diri meningkat.

Di samping itu, keadaan psikologi masyarakat umum terutamanya mahasiswa memberi kesan yang buruk setelah tempoh dua tahun penularan virus Covid-19 yang bermula pada hujung tahun 2019. Hal ini kerana sektor pendidikan terpaksa dilaksanakan secara maya selama tempoh tersebut ekoran Perintah Kawalan





Pergerakan (PKP). Akibat daripada peristiwa ini, mahasiswa pada masa kini mengalami gangguan bukan sekadar dari aspek pendidikan malahan juga dari aspek psikologi. Menurut *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* atau lebih dikenali sebagai UNESCO (2020), Pandemik Covid-19 telah mengganggu proses pembelajaran melebihi satu bilion mahasiswa di 129 negara seluruh dunia. Jelaslah di sini bahawa ramai mahasiswa universiti mengalami kemerosotan dari segi psikologikal.

Dalam pada itu, pemulihan mental atau psikologi ini perlu giat dilaksanakan. Justeru faktor penting yang menyumbang kepada pemulihan mental adalah rawatan. Namun apa yang berlaku, segelintir masyarakat kini banyak dipengaruhi oleh pelbagai pemikiran atau kepercayaan yang membawa kesan negatif seperti stigma terhadap bantuan psikologi dan kesihatan mental. Stigma ini terdiri daripada tiga elemen iaitu stereotaip, prejudis dan diskriminasi dalam konteks perbezaan kuasa dan ia membawa kepada reaksi masyarakat umum terhadap sesuatu kumpulan. Konsep stigma boleh diterangkan pada tiga tahap konseptual iaitu kognitif, emosi dan tingkah laku, yang membolehkan kita memisahkan stereotaip semata-mata daripada prasangka dan diskriminasi (Rossler, 2016).

Stigma selalunya datang dari kurangnya pemahaman atau ketakutan terhadap sesuatu perkara. Kebiasaannya media massa menjadi penyumbang faktor stigma yang paling besar dalam menyebarkan ideologi tidak tepat serta mengelirukan mengenai penyakit mental kepada masyarakat Malaysia. Antara jenis stigma terhadap kesihatan mental menurut Corrigan et al. (2005) ialah stereotaip dan prasangka serta diskriminasi. Stereotaip dan prejudis merupakan seseorang yang menganggap orang yang mempunyai penyakit mental adalah berbahaya, tidak cekap, untuk dipersalahkan atas



gangguan mereka, tidak dapat diramalkan. Manakala diskriminasi ialah mereka yang mengambil kesempatan dengan kuasa yang dimiliki contohnya sistem penjagaan kesihatan mental mungkin menawarkan standard penjagaan yang lebih rendah berbanding orang kenamaan.

Selain itu, stigma yang dikaitkan dengan penyakit mental pula telah menyebabkan ramai individu mengelak daripada mendapatkan bantuan psikologi. Seperti yang dinyatakan oleh Faizura Rohaizad, Rusnani Abdul Kadir dan Rahimah Ibrahim (2014), kebanyakan daripada usaha ini disambut hambar kerana sikap dan label negatif yang diberikan oleh masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling. Usaha yang dimaksudkan tersebut dilaksanakan untuk mempromosikan kesedaran dan perkhidmatan kesihatan mental dalam masyarakat secara kerjasama antara badan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan.

Manakala Suraya Roslan (2021), menurut Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata angka dan punca diperoleh menerusi Talian Bantuan Sokongan Psikososial yang diwujudkan secara kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Mercy Malaysia. Data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati dalam tempoh Januari hingga Disember 2020, sebanyak 1,080 kes cubaan bunuh diri dilaporkan menerima rawatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walaupun data ini menunjukkan peningkatan bilangan orang yang mendapatkan bantuan perkhidmatan psikologi, tetapi masih ramai yang memilih untuk tidak mendapatkan bantuan kesihatan mental disebabkan stigma yang wujud walaupun ia boleh menjadi cabaran jika ia ditangani sendiri.



Hal ini disokong dengan kenyataan Rafidah Mat Ruzki (2021) dalam Berita Harian bertarikh 25 Mei, bahawa pelbagai kemungkinan termasuk isu kesihatan mental yang selama ini membawa stigma atau tabu untuk dibincangkan dalam masyarakat. Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Unit Kesihatan Mental, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dr Nurashikin Ibrahim, berkata ekoran stigma ia menjadi penghalang utama untuk individu yang berdepan masalah kesihatan mental mendapatkan bantuan.

Walaupun kampus universiti merupakan antara lokasi yang menyediakan bantuan psikologikal secara percuma kepada mahasiswa. Namun masih wujud individu yang berpandangan negatif tentang keberkesanan perkhidmatan ini. Rentetan daripada itu, apabila munculnya stigma terhadap kesihatan mental, berkemungkinan akan wujud sikap positif atau negatif mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologi. Suatu perkara perlu dilaksanakan bagi mengurangkan stigma yang membawa kepada tingkah laku sebegini.



1.3 Penyataan Masalah

Kementerian Kesihatan Malaysia (dalam Abdul Rashid Abdul Aziz dan Nor Hamizah Ab Razak, 2021) menjelaskan bahawa kesihatan mental adalah satu keadaan yang sejahtera di mana seseorang individu menyedari tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Justeru itu, kesihatan mental ini merupakan keadaan seseorang itu menyedari kemampuan dirinya untuk berdaya tindak terhadap tekanan kehidupan, melaksanakan tugas dengan produktif dan membantu sebaik mungkin masyarakat luar.

Pada hari ini ramai individu menganggap remeh mengenai isu psikologikal kerana faktor-faktor tertentu. Antaranya faktor stigma dan persepsi yang memberi kesan kepada sikap mahasiswa dalam mendapatkan bantuan psikologikal. Menurut Reavley, Jorm dan Morgan (dalam Raja Nurul Hafizah Raja Ismail dan Wan Hashridz Rizal Wan Abu Bakar, 2020) laporan media merupakan salah satu faktor wujudnya stigma tentang isu kesihatan mental dan mengaitkan pesakit mental sebagai seorang yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang sekeliling seperti pesakit skizofrenia.

Di samping itu, kesihatan mental merupakan salah satu bahagian dalam psikologikal. Ia mempengaruhi gaya tindak, berfikir dan perasaan seseorang. Oleh itu, kesihatan mental seseorang tidak dapat dilihat secara zahir dan orang sekeliling tidak akan tahu mengenai perkara ini jika tiada yang sedar mengenainya. Hal ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor dan ia akan mempengaruhi perubahan hidup seseorang



individu tersebut. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya isu psikologi ini adalah faktor dalaman dan luaran.

Fokus kepada faktor dalaman seperti stigma, pengalaman atau idea terhadap isu psikologikal tersebut. Jika dilihat, stigma dan pandangan serong terhadap orang yang mendapatkan bantuan psikologi ini sudah lama menjadi siulan masyarakat. Hal ini kerana kesedaran masyarakat mengenai perkara ini masih berada di tahap yang rendah serta kurang mendapat pendedahan mengenai kepentingan mendapatkan bantuan profesional. Mereka mungkin menganggap penyakit mental sebagai masalah yang mampu ditangani sendiri dan tidak memerlukan rawatan khusus seperti penyakit fizikal (Nanda Maya, 2021). Sejak akhir-akhir ini juga, isu berkaitan psikologi mula mendapat perhatian ramai dan pandangan serta ideologi berkaitan isu ini mula diteliti. Sebagai contoh, masyarakat dari semua golongan sedaya upaya menyebarkan maklumat berkaitan kesedaran kesihatan mental tanpa mengira maklumat tersebut sahih atau sebaliknya (Rozanizam Zakaria, 2022).

Apa yang membimbangkan pengkaji, jika maklumat yang disampaikan adalah daripada sumber yang kurang sahih, ia boleh mengakibatkan salah tanggap dan stigma yang buruk terhadap bidang psikologi ini seterusnya mengakibatkan mereka bersikap negatif dan tidak mahu sama sekali mendapatkan bantuan psikologi (Rozanizam Zakaria, 2022). Perkara ini boleh membuat masyarakat terutamanya mahasiswa berasa malu dan takut tentang kesihatan mental sekaligus menyukarkan mereka mendapatkan bantuan psikologi (Rasyida, 2019). Ini boleh menyukarkan mereka untuk mendapatkan bantuan psikologi dan ia juga boleh membawa kepada stigma sendiri.





Hal ini kerana stigma buruk terhadap orang yang mengalami masalah mental akan memberi kesan negatif kepada diri mereka sekaligus menyukarkan mereka untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan (Arini et al., 2022). Adalah penting untuk mengetahui tentang stigma yang membawa kesan kepada sikap seseorang. Justeru jika isu berkaitan stigma ini tidak dibendung dengan segera, dikhuatiri ia akan memberi impak yang besar kepada generasi akan datang. Pengkaji merasakan bahawa seseorang yang mempunyai stigma terhadap isu psikologikal merupakan akar umbi kepada sikap dan kesediaan mereka untuk mendapatkan bantuan kesihatan mental.

Menurut Aida Aqilah Mansur dan Suhaya Deraman (2021), kesedaran terhadap kepentingan ilmu pengetahuan berkaitan isu kesihatan mental haruslah dipergiatkan dan diketengahkan dengan sebaik mungkin agar dapat mengurangkan dan melenyapkan stigma atau prasangka yang memudaratkan terhadap pesakit mental, terutamanya kanak-kanak yang menjadi tunjang kepada masa depan negara pada masa akan datang. Suatu perkara perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana kanak-kanak terdahulu membesar sehingga kini dengan stigma terhadap bantuan psikologi ini sehingga memberi kesan terhadap sikap mereka apabila mereka memerlukan bantuan psikologi.

Di era masa kini, pengkaji merasakan kajian hubungan stigma dan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal amat penting dilaksanakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana pengkaji belum melihat adanya kajian sebegini dijalankan kepada mahasiswa. Jika kajian ini dilaksanakan, ianya akan dapat membantu pihak pengurusan untuk mengenalpasti punca masalah dan cabaran mahasiswa dalam mendapatkan bantuan psikologi. Ia juga seterusnya dapat membantu



mahasiswa memahami ilmu psikologi secara benar dan meningkatkan keberanian untuk mendapatkan bantuan.

Menurut Nor ‘Aina Fariha Haji Talib dan Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor (2020), harapan pada masa akan datang, lebih banyak tumpuan diberikan terhadap kesihatan mental. Sejalan dengan kemajuan negara yang kian berkembang, masalah berkaitan kesihatan mental juga turut bertambah saban tahun. Hal ini bersesuaian dengan kajian yang ingin dijalankan berkaitan kajian Hubungan Antara Stigma dan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti.

1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian ini:

- 1) Menenalpasti tahap stigma sendiri mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal.
- 2) Menenalpasti tahap sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal.
- 3) Menenalpasti perbezaan stigma sendiri mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan program pengajian dan jantina.
- 4) Menenalpasti perbezaan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan program pengajian dan jantina.
- 5) Mengukur hubungan antara stigma sendiri dengan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal.



1.5 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan yang ingin dijawab oleh kajian ini:

- 1) Apakah tahap stigma sendiri mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal?
- 2) Apakah tahap sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal?
- 3) Adakah terdapat perbezaan stigma sendiri mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan program pengajian?
- 4) Adakah terdapat perbezaan stigma sendiri mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan jantina?
- 5) Adakah terdapat perbezaan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan program pengajian?
- 6) Adakah terdapat perbezaan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan jantina?
- 7) Adakah terdapat hubungan antara stigma sendiri dengan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal?





1.6 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis kajian ini:

- 1) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi stigma sendiri mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan program pengajian.
- 2) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi stigma sendiri mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan jantina
- 3) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan program pengajian.
- 4) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal berdasarkan jantina.
- 5) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara stigma sendiri dengan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal.





1.7 Kesignifikan Kajian

Secara khususnya, pengkaji menjalankan kajian berkenaan dengan Hubungan Antara Stigma Kendiri Dengan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti. Kita dapat menyaksikan betapa pentingnya mengetahui hubungan antara kedua perkara ini bagi memberi kesedaran kepada masyarakat dan ia tidak boleh diketepikan sama sekali. Hal ini kerana jika dilihat secara logiknya mahasiswa di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) ini merupakan pewaris negara dan isu ini akan mempengaruhi masa hadapan mereka jika stigma negatif terhadap bantuan kesihatan mental masih berlaku.

Pada realitinya, tidak dapat dinafikan bahawa mahasiswa yang memiliki isu berkaitan kesihatan mental ini mempunyai kemungkinan persepsi dan pengalaman tamsilannya berkemungkinan wujud stigma dalam diri bahawa mereka dianggap beban jika orang lain memikirkan masalah yang dihadapi mereka dan belum tentu ada individu yang mampu membantu golongan mahasiswa seperti mereka secara profesional. Lantaran daripada itu, dengan adanya kajian ini, wujudnya bukti yang relevan untuk masyarakat mempercayai bahawa stigma kendiri dengan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan kesihatan mental penting untuk ia penting untuk ditangani dengan baik.

Melalui kajian ini juga dapat membantu pihak tertentu seperti pihak atasan fakulti mengetahui pandangan dan stigma mahasiswa fakulti ini dalam mendapatkan bantuan kesihatan mental seterusnya mencari kaedah yang relevan bagi membantu mahasiswa yang terkesan. Manakala diri mahasiswa sendiri juga penting untuk tahu





mengenai kajian ini supaya mereka mempunyai kesedaran dan cakna terhadap psikologikal diri dan orang yang berada di persekitaran mereka.

Tambahan pula, kajian ini juga dapat memupuk sikap *common sense* dalam kalangan warga Fakulti Pembangunan Manusia terhadap mereka yang mempunyai isu berkaitan kesihatan mental. Diharapkan bahawa kajian ini dapat membantu dalam menganalisis kefahaman mahasiswa Fakulti Pembangunan Manusia seterusnya bersedia dalam mendepani senario besar ini dalam suasana globalisasi yang serba mencabar kini. Pandangan kelompok mahasiswa dalam dunia pembelajaran ini terhadap isu psikologikal dilihat cukup relevan dikaji kerana mereka merupakan generasi yang akan memimpin negara pada masa akan datang dan mereka sewajarnya menguasai ilmu teknologi terkini bersesuaian dengan zaman ini.



Walaupun telah ada kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan stigma dan sikap untuk mendapatkan bantuan psikologi. Namun pengkaji masih tidak melihat sebarang kajian berkaitan stigma dan sikap khusus kepada mahasiswa di universiti. Oleh hal yang demikian, pengkaji merasakan kajian ini penting untuk dilaksanakan kepada mahasiswa terutamanya kerana mahasiswa merupakan generasi yang bakal memimpin masa depan negara. Jika mahasiswa sendiri yang mengalami isu psikologikal, bagaimana generasi masa hadapan ingin berkembang dengan kehidupan yang sejahtera.



1.8 Definisi Istilah

Setiap perkara yang diuji atau dikaji pasti mempunyai pembolehubah yang diukur. Oleh itu, bahagian ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci berkenaan dengan definisi pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi konsep dan operasional turut dijelaskan.

1.8.1 Definisi Konseptual

Definisi konseptual merupakan maksud konsep utama dalam kajian ini yang diperoleh daripada bahan rujukan ilmiah mengenai pembolehubah yang terlibat.

1.8.1.1 Stigma Kendiri

Menurut Mohammad Nadhir Abdul Nasir dan Rosila Bee Mohd Husain (2016), stigma secara asasnya didefinisikan sebagai suatu tindak balas yang dibentuk ekoran daripada penyimpangan yang ditunjukkan oleh seseorang individu atau sekelompok individu daripada norma masyarakat. Menurut Subramaniam M (2016), stigma juga ditakrifkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai tanda keaiban, keaiban atau ketidaksetujuan yang mengakibatkan individu ditolak, didiskriminasi dan dikecualikan daripada mengambil bahagian dalam beberapa bidang masyarakat yang berbeza (World Health Organization, 2001).



1.8.1.2 Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sikap merupakan bentuk tubuh dan potongan badan, gaya berdiri serta perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat. Manakala sikap terhadap tingkah laku ditakrifkan sebagai penilaian individu terhadap tingkah laku tertentu disertai dengan kepercayaan bahawa tingkah laku ini akan menuai hasil positif atau negatif.

Sikap secara tidak langsung boleh mempengaruhi tingkah laku mencari bantuan melalui niat, dan merupakan pencetus untuk kedua-dua niat dan tingkah laku mencari bantuan sebenar (Nurfadilah, Anisa Rahmadani dan Bahrul Ulum, 2021). Definisi sikap mendapatkan bantuan psikologikal ditakrifkan oleh Chandrasekara (2016) sebagai sebarang percubaan untuk mendapatkan bantuan mengenai masalah kesihatan mental, sama ada bantuan rasmi yang diberikan oleh kaunselor dan ahli psikologi profesional, atau sokongan tidak formal yang diberikan oleh rakan dan ahli keluarga.

1.8.1.3 Psikologikal

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), psikologi didefinisikan sebagai kajian tentang proses mental dan pemikiran terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan. Psikologi sebagai suatu disiplin saintifik mempunyai sejarah yang singkat. Perkataan 'psikologi' adalah berasal daripada perkataan Greek: '*psiko*' yang dapat diertikan sebagai minda dan '*logi*' merujuk kepada pengkajian; maka terhasil 'pengkajian tentang minda'. Definisi ini digunakan sehingga ke penghujung abad ke-19 (Asmawati et al., 2015).





1.8.1.4 Mahasiswa

Menurut Mohd Fuad Mat Jeli (dalam Marshelayanti Mohamad Razali dan Siti Nor Adila Ayob, 2018) mahasiswa merujuk kepada segolongan individu pelajar yang sedang mengikuti satu proses pendidikan yang tersusun dan terancang seperti di universiti, institut, kolej, akademi ataupun politeknik.





1.8.2 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan definisi khusus bagi istilah penting yang digunakan dalam kajian ini bagi memberikan pengertian yang jelas dan pemahaman yang mendalam. Justeru bahagian ini akan menjelaskan definisi yang dimaksudkan pengkaji berdasarkan kajian ini.

1.8.2.1 Stigma Kendiri

Stigma sendiri ialah apabila seseorang melihat orang lain dengan pandangan negatif disebabkan ciri atau sifat tertentu seperti warna kulit, latar belakang budaya, kecacatan atau penyakit mental. Perkara ini membawa kepada penyisihan terhadap seseorang individu tersebut dalam komuniti masyarakat. Manakala stigma sendiri dari perspektif kajian ini merupakan satu sudut pandang negatif yang dipegang individu terhadap bantuan psikologikal oleh sebab-sebab tertentu.

Stigma sendiri serta pengaruhnya terhadap rasa ingin mendapatkan bantuan psikologikal mungkin berbeza berdasarkan pengalaman atau faktor sosiodemografi seseorang. Sebagai contoh, orang menganggap bahawa gangguan psikologi tidak memerlukan bantuan pakar dan hanya boleh dirawat sendiri. Manakala terdapat juga segelintir yang menganggap bantuan psikologi ini perlu memikirkan banyak faktor seperti kewangan yang agak mahal dan hanya boleh didapati oleh golongan tertentu sahaja. Stigma ini boleh memberi kesan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan psikologikal. Seperti yang dinyatakan oleh Mohamad Nadhir Abdul Nasir dan





Rosila Bee Mohd Hussain (2016), stigma yang diterima oleh seseorang individu itu memberi kesan kepada dirinya, semasa berinteraksi dan membina perhubungan dengan individu-individu lain, serta mempengaruhi interaksi kedua-dua belah pihak tersebut dalam kehidupan bermasyarakat secara keseluruhannya.

1.8.2.2 Sikap Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal

Sikap untuk mendapatkan bantuan psikologi merupakan penilaian positif atau negatif terhadap usaha yang dilakukan oleh individu dalam mendapatkan bantuan perkhidmatan psikologi yang dimiliki oleh institusi pengajian tinggi untuk mengatasi ketidakselesaian psikologi yang mereka rasai (Nurfadilah, Anisa Rahmadani dan Bahrul Ulum, 2021). Sikap untuk mendapatkan bantuan psikologikal ini merupakan tindakan individu dalam menangani masalah berkaitan psikologikal seperti masalah kesihatan mental.

Sikap ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, salah satunya adalah kekurangan informasi berkaitan tempat atau pihak yang menawarkan bantuan psikologikal. Selain itu, sikap individu yang sanggup menghadapi konflik sendiri kerana memikirkan pelbagai aspek seperti jumlah masa dan kewangan yang diperlukan selain profesion khidmat bantuan psikologi yang diragui. Individu yang berada dalam fasa remaja dan awal dewasa cenderung untuk mendapatkan bantuan yang tidak formal daripada rakan dan keluarga sebelum mendapatkan bantuan profesional apabila mereka menghadapi masalah psikologi.



1.8.2.3 Psikologikal

Psikologi ini merupakan kajian tentang tingkah laku dan jiwa manusia. Menurut Ostanov (2020), kesihatan psikologi terbahagi kepada dua bahagian iaitu individu dan sosial. Kesihatan psikologi individu merupakan keadaan jiwa seseorang yang boleh dikatakan tenang dan nyaman serta berfungsi dengan baik. Seseorang yang mempunyai kesihatan psikologi yang baik akan merasai keselesaan diri dan mempunyai keupayaan untuk melakukan sesuatu aktiviti yang bermakna. Individu ini juga turut mempunyai nilai kemanusiaan yang baik dan mempunyai ciri-ciri tertentu dengan budaya sesebuah masyarakat. Penilaian kesihatan psikologi perlu mengambil kira keunikan setiap satu personaliti dan identitinya.

1.8.2.4 Mahasiswa

Mahasiswa adalah golongan muda yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi selepas tamat sekolah menengah. Secara umumnya, mahasiswa yang memasuki institut pengajian tinggi seperti universiti adalah dalam fasa akhir remaja dan awal dewasa. Oleh itu, pemahaman mahasiswa mengikut perspektif psikologi menggunakan dua pendekatan iaitu mahasiswa di awal fasa remaja dan awal dewasa. Justeru dalam konteks kajian ini, mahasiswa merupakan mereka yang mempunyai pelbagai perasaan dalam kehidupan sebagai seorang penuntut ilmu serta pemikiran mereka mudah dipengaruhi oleh budaya hidup di peringkat pengajian tinggi ini.



1.9 Limitasi Kajian

Skop dan limitasi kajian merujuk kepada kemungkinan terdapatnya kelemahan kajian ini yang di luar jangkaan yang mana ia melibatkan parameter dan metodologi kajian seperti pemilihan sampel, saiz sampel yang kecil, kawasan kajian yang terhad, kesan pembolehubah yang mungkin memberi kesan kepada kajian ini. Limitasi kajian ini menghadkan dapatan kajian dan membataskan generalisasi terhadap konteks kajian ini. Kajian ini dilakukan kepada mahasiswa Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.


Dalam pada itu, hanya 240 orang responden daripada empat program pengajian sahaja akan menjawab soal selidik yang akan diberikan. Soal selidik akan diberikan kepada mahasiswa melalui *Google Form*. Hal ini kerana pengkaji melihat bahawa ia dapat memudahkan lagi proses pengutipan data serta menjimatkan waktu dan tenaga. Pengkaji juga melihat bahawa lebih baik untuk langkah berjaga-jaga dengan penjarakan sosial bagi mengelakkan penularan sebarang wabak. Oleh itu, hanya satu lokasi sahaja yang dipilih iaitu di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) namun tiada pantauan dan tempat yang spesifik ketika mahasiswa ini menjawab soal selidik yang diberikan.

Mahasiswa yang akan menjawab soal selidik ini terdiri daripada mahasiswa dalam program pengajian Ijazah Sarjana Muda (Psikologi), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak). Selain itu, limitasi kajian ini juga meliputi hanya dalam konteks mahasiswa



Sarjana Muda di bawah satu fakulti yang mempunyai empat program pengajian sahaja. Hanya satu fakulti sahaja yang dipilih iaitu Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI. Justeru itu, dapatan kajian ini tidak dapat dijadikan sebagai rujukan yang tepat kepada fakulti lain selain yang dinyatakan.

1.10 Kerangka Konsep



Rajah 1.1: Kerangka konseptual Hubungan Stigma Kendiri dan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti.

1.11 Rumusan

Berdasarkan bab ini, beberapa perkara dapat disimpulkan oleh penyelidik, antaranya adalah pembaca akan mengetahui tentang perkaitan antara stigma sendiri dan sikap mahasiswa untuk mendapatkan bantuan psikologikal. Selain itu pembaca juga dapat melihat dengan jelas berkenaan dengan permasalahan kajian seperti dalam subtopik tersebut ada membincangkan berkenaan dengan isu stigma dan persepsi mahasiswa terhadap kesihatan mental.

Selain itu, pembaca dapat melihat dengan jelas kepentingan kajian ini dilaksanakan terhadap mahasiswa universiti. Walaupun kajian ini dilaksanakan terhadap mahasiswa universiti, namun ia juga memberi manfaat kepada pihak tertentu seperti yang dijelaskan di atas. Melalui bab ini juga pembaca akan mendapat ilmu pengetahuan baru mengenai maksud istilah-istilah yang dikaji dalam tesis penyelidik ini yang bertajuk Hubungan Stigma Kendiri Dan Sikap Mahasiswa Untuk Mendapatkan Bantuan Psikologikal Di Sebuah Universiti. Diharapkan pembaca mendapat gambaran yang lebih jelas berkenaan perkara yang ingin disampaikan oleh penyelidik ini.